

# Pesilat Kuin berjaya raih dua pingat emas, tiga perak

**KUALA KETIL** - Pasukan silat Kolej Universiti Insaniah (Kuin) berjaya meraih dua pingat emas, tiga pingat perak dan tiga gangsa dalam kejohanan Silat Pra Sukma & institut pengajian tinggi (IPT) Negeri Perak.

Pengarah Pusat Pemasaran, Komunikasi Korporat dan Pembangunan Perniagaan Kuin, Hamlan Din berkata, pencapaian pasukan silat pada kejohanan berkenaan berjaya mengharumkan nama kampus di tanah air.

Menurutnya, pesilat Kuin juga amat

diharap dapat menjulang kejayaan lain pada kejohanan lain akan datang.

"Sebanyak 12 kategori diperbandingkan dalam kejohanan itu. Muhd Akmal Muhtasim Abd Rahman dan Abd Aziz Mohd Lazim masing-masing meraih pingat emas bagi kategori Kelas C dan Kelas J.

"Pingat perak pula dimenangi oleh Mohd Ahyad Mohd Sobri bagi Kelas E, Mohd Khalis Rabbani Yunus bagi kelas bebas dan Ahmad Fidzhar Hakimi Ibarim bagi Jurus Seni Tunggal Putra," katanya.



Peserta silat Kuin yang terlibat dalam kejohanan berkenaan.